

15 JAN 1996

Keating - Sambutan

PERDANA MENTERI AUSTRALIA DIBERI SAMBUTAN PERMAIDANI MERAH

KUALA LUMPUR, 15 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Australia Paul Keating yang tiba di sini untuk lawatan rasmi dua hari diberi sambutan permaidani merah di Dataran Parlimen hari ini.

Ketibaan beliau di dataran itu disambut Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Keating kemudian memeriksa perbarisan kehormat terdiri daripada 107 pegawai dan anggota batalion pertama Rejimen Askar Melayu Diraja di bawah pimpinan Mejar Rafizi Sharif. Tentera Laut Diraja Malaysia memainkan lagu kebangsaan kedua-dua buah negara.

Dr Mahathir kemudian memperkenalkan beliau kepada anggota Kabinet Malaysia dan orang kenamaan asing.

Keating diiringi oleh isterinya, Annita, para pegawai kanan kerajaan dan ahli perniagaan.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Pesuruhjaya Tinggi Australia John Dauth dan Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Kerk Choo Ting, yang merupakan Menteri Pengiring.

Perdana Menteri Australia itu kemudian mengadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar di Istana Negeri Sembilan.

Pada malam ini Keating dan rombongan akan diraikan pada majlis jamuan yang diberikan oleh Dr Mahathir di Seri Perdana. -- Bernama.